

WAKAF: LABUR DI DUNIA, UNTUNG DI AKHIRAT

17 Zulkaedah 1443H/17 Jun 2022M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Wakaf merupakan suatu ibadah yang memiliki kelebihan yang amat istimewa. Ia merupakan suatu bentuk penyerahan harta yang kita miliki kepada Allah Subhanahu wa Taala, contohnya

tanah atau bangunan untuk kegunaan umat Islam. Ibadah wakaf adalah suatu bentuk sedekah jariah yang menjanjikan ganjaran pahala berkekalan yang mengalir kepada pewakaf walaupun si pewakaf sudah meninggal dunia. Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Yang bermaksud: “*Apabila mati seorang anak Adam, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakan baginya.*”

Jabir bin Abdillah Radhiallahu Anhu pernah berkata: “*Tiada seorang pun dalam kalangan sahabat Nabi yang berkemampuan tidak mewakafkan harta mereka.*” Ini menunjukkan bahawa orang yang beriman sentiasa berlumba-lumba mengerjakan amal jariah seperti ibadah wakaf kerana mengetahui akan kelebihannya yang amat besar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Antara contoh ibadah wakaf seperti mewakafkan sebidang tanah untuk tapak masjid, pusat pengajian, wakaf perigi, wakaf hospital dan lain-lain, asalkan harta yang diwakafkan itu bermanfaat dan kekal.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَنْ نَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ نُنْفِقُوا مِمَّا حُبَّبْنَا ۚ وَمَا نُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ
اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Yang bermaksud: “*Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi, dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.*”

Ibadah wakaf tidak menjanjikan pulangan dalam bentuk keuntungan kebendaan semasa di dunia. Namun wakaf dapat membantu perkembangan ekonomi umat Islam. Wakaf merupakan suatu bentuk pelaburan jangka panjang. Keuntungannya adalah

pahala berpanjangan yang akan dituai oleh si pewakaf hingga ke hari kiamat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sesiapa yang hendak berwakaf di negeri ini hendaklah berwakaf kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang kerana ia merupakan pemegang amanah tunggal dan semua harta wakaf itu dijamin kekal selama-lamanya kepada jalan Allah dan tidak boleh dituntut semula oleh mana-mana pihak.

Marilah kita berwakaf! Semoga pahalanya terus mengalir dan menjadi bekalan di akhirat nanti. Pada masa ini, ibadah wakaf telah dipermudahkan lagi dengan pelbagai cara dan saluran. Kita boleh berwakaf tunai serendah RM5.00. Umat Islam boleh berwakaf sama ada datang sendiri ke pejabat atau kaunter-kaunter yang berkenaan, berwakaf secara dalam talian di wakafpahang dengan menggunakan perbankan internet atau potongan gaji.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Yang bermaksud: “*Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.*”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.